

B B570 AAB
MAHATHIR - RAZALEIGH RRRR

KOTA BAHARU, 2 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN TENGKU RAZALEIGH HAMZAH HARI INI BERTEMU MUKA DAN BERSALAM-SALAMAN PADA SATU PERJUMPAAN UMNO DI SINI DAN SECARA SPONTAN, PARA HADIRIN MEMBERIKAN TEPUKAN GEMURUH.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO KELIHATAN TERSENYUM RIANG DI TENGAH-TENGAH TEPUKAN GEMURUH KIRA-KIRA 100 PEMIMPIN DARIPADA 13 BAHAGIAN UMNO NEGERI YANG HADIR PADA PERJUMPAAN ITU.

TENGKU RAZALEIGH SELAKU KETUA UMNO BAHAGIAN GUA MUSANG TIBA LEBIH AWAL PADA MAJLIS TERSEBUT UNTUK MENANTI KETIBAAN PERDANA MENTERI.

INI MERUPAKAN PERTEMUAN TERBUKA PERTAMA ANTARA DATUK SERI DR MAHATHIR DAN TENGKU RAZALEIGH SELEPAS KENYATAAN PERDANA MENTERI DI LABUAN BULAN LEPAS BAHAWA TIDAK ADA TEAM A ATAU TEAM B DALAM UMNO.

PERJUMPAAN DENGAN PEMIMPIN UMNO KELANTAN MERUPAKAN SALAH SATU ACARA LAWATAN DUA HARI BELIAU KE NEGERI INI YANG JUGA DISIFATKAN DALAM USAHA MENGUKUHKAN PERPADUAN PARTI SELEPAS PEMILIHAN PARTI APRIL LEPAS. -- LAGI

1810MST 02 10 87

B B571 AAB
MAHATHIR - RAZALEIGH 2 KOTA BAHARU RRRR

KEHADIRAN TENGKU RAZALEIGH DI MAJLIS ITU MENJAWAB PERSOALAN UMUM SELAMA INI SAMA ADA BELIAU SANGGUP MENEMUI ORANG YANG DICABARNYA BAGI JAWATAN PRESIDEN PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO LEPAS DALAM USAHA MERAPATKAN KEMBALI PERHUBUNGAN DALAM PARTI.

YANG TURUT MENYAKSIKAN PERTEMUAN PENUH BERMAKNA ITU TERMASUKLAH SETIAUSAHA AGUNG UMNO DATUK SERI SANUSI JUNID, MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHAMED YAACOB, MENTERI PERTAHANAN TENGKU AHMAD RITHAUDDEEN, DAN ANGGOTA MAJLIS TERTINGGI UMNO, HAJI AHMAD SHAHIBUDDIN MOHD NOOR.

DATUK SERI DR MAHATHIR YANG BERPAKAIAN BUSH JAKET KELABU DAN TENGKU RAZALEIGH, BERBAJU MELAYU SERBA KUNING, KEMUDIAN DUDUK SEBELAH MENYEBELAH DI MEJA PANJANG MENGHADAP HADIRIN.

SEMASA MENUNGGU KETIBAAN PERDANA MENTERI, TENGKU RAZALEIGH JUGA KELIHATAN BERBUAL MESRA DENGAN DATUK SERI SANUSI.

PARA PEMIMPIN UMNO NEGERI LAIN YANG TURUT MENGHADIRI PERJUMPAAN ITU TERMASUK ANGGOTA PARLIMEN KOK LANAS, DATUK ABDULLAH AHMAD DAN TIMBALAN MENTERI PERTANIAN, ENCIK MOHAMED KASSIM AHMAD. -- BERNAMA
1812MST 02 10 87